

25. Budak Baru

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

budak lelaki

meja kosong

tidak kenal

berdiam diri

murid baru

pemalu

Pada suatu hari, Cikgu Siti masuk ke dalam kelas bersama seorang **budak lelaki**. Kami **tidak kenal** lelaki itu. Cikgu Siti berkata bahawa budak lelaki itu adalah seorang **murid baru** dan dia akan menyertai kelas kami.

Murid lelaki itu bernama Rashid. Dia baru sahaja berpindah ke kawasan kejiranan saya.

Cikgu Siti menyuruh Rashid duduk di **meja kosong** bersebelahan saya. Rashid pun duduk lalu **berdiam diri**. Rupa-rupanya, Rashid seorang yang **pemalu**. Saya pun mengenalkan diri saya.

Semenjak hari itu, saya dan Rashid menjadi semakin rapat. Sekarang, dia sudah menjadi teman karib saya.